

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN ALI ANAK BIJU [SARATOK]

SOALAN NO. 397

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah dan nama sekolah dalam rekod yang berstatus daif bagi Kawasan Saratok dan apakah jadual serta pelan perancangan dan pelan tindakan Kementerian memastikan kerja-kerja baik-pulih sekolah yang amat daif ini dilaksanakan.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam memastikan penyediaan infrastruktur yang kondusif bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran tanpa mengira lokasi sekolah. Di kawasan Parlimen Saratok khususnya, pelaksanaan naik taraf dan pembangunan semula sekolah daif melibatkan 5 buah sekolah daif dengan kos projek berjumlah RM82.148 juta melalui peruntukan pembangunan dan *Private Finance Initiative (PFI)*. Perkara ini meliputi projek pembinaan SK Hj. Bollah (Status fizikal 100%), SK Kampung Alit (status fizikal 100%) dan SK Kampung Sungai Klampai (status fizikal 100%). Manakala bagi projek Tahun 2019 yang melibatkan SK To' Eman dan SK Perpat, kedua-dua projek masih dalam pembinaan dan dijangka siap pada suku tahun pertama 2020.

Bagi penyelenggaraan aset bangunan, aset tanah dan aset infrastruktur di Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Saratok pula, sebanyak RM90,000.00

telah dibelanjakan untuk menyelenggara aset tak alih KPM di PPD tersebut pada tahun 2019. Peruntukan yang disalurkan adalah untuk mengekalkan fungsi aset berkenaan, kerja-kerja penyelenggaraan secara berkala (*periodical maintenance*) dan penyelenggaraan pembaikan (*corrective maintenance*) berdasarkan permohonan daripada Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak.

Untuk makluman Ahli Yang berhormat, terdapat 50 buah sekolah daif pada skala 6 di Parlimen Saratok. Nama-nama sekolah tersebut adalah seperti berikut:

Sekolah Daif di Parlimen Saratok

| BIL | NAMA SEKOLAH | SKALA |
|------------|---------------------|--------------|
| 1 | SMK SARATOK | 6 |
| 2 | SMK KALAKA | 6 |
| 3 | SMK KABONG | 6 |
| 4 | SMK (BM) SARATOK | 6 |
| 5 | SK WONG BESI | 6 |
| 6 | SK ULU SEBETAN | 6 |
| 7 | SK ULU ROBAN | 6 |
| 8 | SK ULU KABO | 6 |
| 9 | SK ULU BUDU | 6 |
| 10 | SK ULU AWIK | 6 |
| 11 | SK TO' EMAN | 6 |
| 12 | SK TEMUDOK AWIK | 6 |
| 13 | SK SUPOK | 6 |
| 14 | SK SUNGEI ANTU | 6 |

NO SOALAN: 397

| BIL | NAMA SEKOLAH | SKALA |
|------------|---------------------------------|--------------|
| 15 | SK SUNGAI KLAMPAI | 6 |
| 16 | SK ST PETER SARATOK | 6 |
| 17 | SK ST PAUL ROBAN | 6 |
| 18 | SK ST MICHAEL PLASSU | 6 |
| 19 | SK SG PASIR | 6 |
| 20 | SK SG NYIAR | 6 |
| 21 | SK SG ENTEBU | 6 |
| 22 | SK PRAJA | 6 |
| 23 | SK PERPAT | 6 |
| 24 | SK ORANG KAYA TEMENGGONG TANDUK | 6 |
| 25 | SK NG MALONG | 6 |
| 26 | SK NG GRENJANG | 6 |
| 27 | SK NG DRAU | 6 |
| 28 | SK NG BUDU | 6 |
| 29 | SK NG ATOI | 6 |
| 30 | SK NG ASSAM | 6 |
| 31 | SK NG ABU | 6 |
| 32 | SK MUDONG | 6 |
| 33 | SK MENDAS | 6 |
| 34 | SK LUBOK NIBONG | 6 |
| 35 | SK LUBOK KEPAYANG | 6 |
| 36 | SK LICHOK | 6 |
| 37 | SK LEMPA | 6 |

NO SOALAN: 397

| BIL | NAMA SEKOLAH | SKALA |
|------------|---------------------|--------------|
| 38 | SK KLUA | 6 |
| 39 | SK KG PALOH | 6 |
| 40 | SK KG EMPLAM | 6 |
| 41 | SK KALAKA CENTRAL | 6 |
| 42 | SK KABO HILIR | 6 |
| 43 | SK HJ JUNID | 6 |
| 44 | SK HAJI BOLLAH | 6 |
| 45 | SK ENKUDU | 6 |
| 46 | SK ENKABANG | 6 |
| 47 | SK BERAYANG | 6 |
| 48 | SK BATANG MARO | 6 |
| 49 | SK BABANG | 6 |
| 50 | SK ABANG LEMAN | 6 |